

# HAK BERBINI EMPAT DALAM ISLAM

## (II)

Dalam bahagian yang kedua ini yang ialah juga siaran penutupan, al-Ustādh Aḥmad Zakī Ṣālīh, pelajar kita di Mesir, menghuraikan ((Hak Berbini Empat Dalam Islam)) dengan lebih jelas berdasarkan hukum-hukum Islam yang tegas dan menepati.



*al-Ustādh Aḥmad Zakī*

### **Fikiran dan gerakan ulama Mesir**

#### **di dalam soalan ini**

Setelah kita mengetahui bahawa Islam tidak membenarkan seseorang itu beristeri sehingga empat melainkan dengan syarat adil dan mampu memberi nafkah, kita akan mengkaji pula hukum syarat-syarat ini, iaitu adakah kekurangan satu daripada syarat-syarat ini akan menjadikan akad nikah seseorang itu tak sah hukumnya? Dan adakah tuan kadi berkuasa atau wajib menyiasat syarat-syarat ini pada tiap-tiap seorang yang hendak berbini banyak maka lalu ditegah mereka yang tidak mencukupinya. Ulama-ulama Mesir telah berpecah kepada dua aliran di dalam soalan ini:

1) Mereka yang berfahaman bahawa seseorang itu hanya berdosa dan akan menerima balasannya daripada Tuhan jika ia berbini dua dengan tidak mencukupi syarat-syarat tadi, tetapi hukum akad nikahnya itu memang sah maka tidaklah harus bagi kadi menegah seseorang itu berbini dua sekalipun kekurangan syarat-syaratnya.

2) Mereka yang berpandangan bahawa tuan kadi berkuasa

menyiasat syarat-syarat ini dan menghukumkan bahawa seorang itu adakah layak berbini dua atau tidak?

Daripada puak yang pertama kita dapati al-Syeikh Muhammad Abu Zahrah wakil sekolah tinggi undang-undang di Universiti Fouad dan guru di dalam “*al-Aḥwāl al-Sakhṣiyah*” katanya, ahli-ahli Feqah telah beritfak bahawa kedua-dua syarat ini bukanlah daripada syarat-syarat yang wajib bagi mengesahkan akad nikah itu bahkan akad nikah seseorang itu adalah hukumnya sah sekalipun kekurangan kedua-dua syarat ini tetapi ia berdosa dan akan menerima balasannya. Di atas ketaksirannya itu (lihat kitab *al-Aḥwāl al-Sakhṣiyah* bagi al-Syeikh Muḥammad Abū Zahrah Ṣufḥat 68) Adapun sebab-sebabnya mengapa fuqaha menghukumkan sah akad nikah itu walaupun mereka berkeyakinan bahawa hukumnya haram ialah kerana:-

1) Sah akad itu atau tidak terpulung kepada perkara yang telah berlaku dengan sebenarnya (*amir waqa`*) tidaklah bergantung kepada perkara yang diagak akan berlaku (*amir mutawaqa`*). Maka jika sekiranya kita menghukumkan bahawa akad nikah seseorang itu tidak sah oleh kerana ditakuti kalau-kalau

ia tidak adil atau tidak mampu menanggung nafkah berertilah kita membatalkan dia dengan yang hanya diagak-agak akan berlaku (*amir mutawaqa'*) yang mana harus berlaku dan harus tidak.

2) Perasaan bimbang di atas kelemahan seseorang pada memberi keadilan di antara isteri-isterinya itu adalah suatu soalan jiwa dan damir pada hal hukum sah sesuatu akad itu atau tidaknya adalah wajib dibinakan di atas perkara-perkara yang nyata yang dapat dijalankan hukuman kadi ke atasnya. Adapun syarat mampun menanggung nafkah itu adalah suatu perkara yang berhubung dengan rezeki seseorang, sedang rezeki itu di tangan Tuhan. Maka tidaklah harus bagi seorang asing menegah atau menghukumkan tak sah akad nikah dua orang yang telah bersepakat hendak berkahwin selepas masing-masing telah redha dengan hal keadaan jodohnya. Oleh kerana hanya dianggap bahawa Si Lelaki itu tidak akan mampu menanggung nafkah di masa hadapan.

3) Di dalam masyarakat Islam kita dapati seseorang itu dikawal atau dijamin oleh dua anjuran: Yang pertama dihadapkan kepada dhamirnya merupakan halal haram dosa pahala. Yang kedua dijalankan ke atas tubuh kasarnya dan gerak-gerinya menurut sepanjang yang diketahui oleh pihak yang berkuasa (*wali al-amir*) atau kadi di dalam masyarakat. Maka apabila seseorang itu mengakadkan nikahnya dengan seorang perempuan pada hal ia tidak sanggup memberi keadilan dan menanggung nafkah adalah akad nikahnya itu dihukum daripada dua segi: Segi mahkamah yang kewajibannya hanya menyiasat kesempurnaan rukun-rukun akad nikah; seumpama ijab kabul, saksi, keadaan perempuan yang oleh syarak dan lain, maka lalu dihukumkan sah akadnya. Yang kedua segi agama yang menghukumkan bahawa ia telah berdosa dengan perbuatannya melangsungkan akad nikahnya pada hal ia tidak berani sanggup memberi keadilan dan menanggung nafkah itu maka terwajiblah di atas merungkaikan akad nikahnya ini, atau berusaha menunaikan kedua-dua syarat tadi. Segi agama di dalam undang-undang Islam adalah seumpama *theory* akhlak di dalam

undang-undang gubalan. Undang-undang gubalan hanya mengatur perkara-perkara zahir yang dapat diasbatkan atau disaksikan di hadapan mahkamah. Adapun niat dan perasaan seseorang itu maka ditinggalkan kepada ajaran akhlak.

Bahawa menghukumkan seseorang itu berdosa kerana berbini banyak dengan tidak sanggup memberi keadilan dan menanggung nafkah itu adalah suatu langkah tepat di dalam masyarakat Islam yang sejati. Yang demikian ialah kerana tiap-tiap seorang Islam yang beriman dengan sebenar-benar iman tentulah berusaha menjauhkan dirinya daripada kemurkaan Tuhan, maka ia tidak akan berbini dua selagi ia tidak berani menjamin keadilannya dan kemampuannya dan selagi ia tidak terpaksa berbini dua. Tetapi semenjak iman orang-orang Islam telah tipis dan hawa nafsu telah berpengaruh besar di dalam kehidupan mereka, maka tidaklah hairan jika hak berbini empat yang istimewa ini dijadikan suatu perkakas untuk memuaskan hawa nafsu semata-mata dengan tidak meraikan syarat-syaratnya lagi. Oleh itu bangunlah puak yang kedua daripada ulama-ulama Mesir diketuai oleh al-Imam al-Syeikh Muḥammad 'Abduh menyeru supaya mengadakan suatu undang-undang yang mengehendak hak ini disamping hukuman syarak (haram) itu. Setelah ia menghuraikan dengan panjang lebar akan akibat-akibat berbini banyak di zaman sekarang, al-Syeikh Muḥammad 'Abduh telah menegaskan pentingnya suatu penyelesaian bagi soalan ini yang mesti diijtihadkan oleh ulama di atas kaedah (*dar' al-mufāṣad muqaddim 'alā jilb al-muṣāliḥ*) yakni mengelak kerosakan itu lebih penting daripada mencari muslihat. Sungguhpun seruan ini terbitnya daripada perasaan ikhlas dan cinta kepada kebajikan untuk masyarakat Islam pada masa ini, tetapi ahli-ahli fikiran yang bercorak barat dan setengah kaum ibu telah menjadikan dia suatu hujah bagi tuntutan mereka supaya berhak berbini banyak itu dihapuskan sama sekali.

Pada tahun 1926 Kementerian Keadilan telah mengadakan suatu lajnah yang terdiri daripada beberapa pegawai Mahkamah

Syariah yang bersatu fahaman dengan al-Syeikh Muḥammad ‘Abduh. Lajnah ini telah mengesyorkan suatu rang undang-undang di antara buku-bukunya didapati dua buku yang bersangkutan dengan hak berbini banyak.

Buku yang pertama: Bahawa seorang yang ada menaruh seseorang isteri tidaklah harus baginya mengakadkan nikahnya dengan perempuan yang lain dan tidaklah juga harus bagi sesiapa pun mengakadkan nikah ini atau mendaftarkan dia melainkan dengan kebenaran kadi shari‘ī yang berkuasa di dalam daerahnya.

Buku yang kedua: Bahawa kadi shari‘ī tidak akan membenarkan seorang yang ada menaruh isteri berkahwin dengan perempuan yang lain melainkan setelah disiasat dan ternyata kepadanya bahawa si polan itu berkuasa mengisyarat dengan baik, dan mampu menanggung nafkah yang lebih berat daripada nafkah isterinya yang ada di bawah tangannya. Dan nafkah orang-orang tanggungannya daripada asalnya (ibu bapa) dan fara‘nya (anak cucu). Kedua-dua buku ini telah menjadi tempat pertikaian faham di antara ulama-ulama Mesir. Maka manakala disahkan undang-undang bilangan 25 tahun 1929 didapati fasal yang membicarakan hak berbini banyak itu telah terpotong dan tidaklah lagi soalan ini diperbincangkan sehingga tahun 1943 ketika kementerian. Perkara-perkara masyarakat cuba menghidupkan dia semula tetapi kecewa juga. Sungguhpun begitu kementerian perkara-perkara masyarakat berpendapatan bahawa soalan ini mustahak benar dibahaskan maka pada tahun 1945 kedua-dua buku tadi telah muncul semula dengan keadaan yang lebih kemas di dalam suatu rang undang-undang yang disyorkan oleh kementerian masyarakat itu.

Yang sebenarnya bahawa langkah yang seumpama ini belum pernah dilakukan oleh fuqaha yang terdahulu tetapi ulama-ulama yang mengesyorkan rang undang-undang tahun 1926 telah membawa lima usul atau dalil yang setengahnya telah diijmak oleh fuqaha dan setengahnya diambil daripada mazhab Mālikī dan Shāfi‘ī (Lihat bahasan al-Sheikh Abū Zahrah di dalam majalah *al-Qānūn*

*wa al-iqtisād* bilangan yang pertama dan yang kedua bagi tahun yang kelima belas keluaran tahun 1945) dalil-dalil ini ialah:-

- 1) Pihak yang berkuasa (*awla al-amir*) wajib menjalankan undang-undang agama dengan keadaan yang mesti dituruti.
- 2) Pihak yang berkuasa (*awla al-amir*) harus mengambil langkah yang dipandang patut untuk mendirikan agama sekalipun langkah ini tidak dinaskan oleh syarak. Inilah yang dinamakan (*al-siyasah al-shar‘iyyah*).
- 3) Apabila pihak yang berkuasa (*awla al-amir*) memerintah supaya dilakukan suatu perkara yang harus (*mubāh*) untuk maslahat umum maka wajiblih di atas tiap-tiap seorang mentaatkan dia pada zahir dan batin.
- 4) Pihak yang berkuasa (*awla al-amir*) berhak mentakzirkan atau menetapkan suatu hukuman di atas tiap-tiap maksiat yang tidak dihadkan hukumannya oleh nas sekadar yang diagak cukup untuk mencegah maksiat itu.
- 5) Berkahwin dengan keadaan yang tak mampu menanggung nafkah itu adalah suatu perkara yang haram.

Dalil-dalil ini memang diakui oleh fuqaha, tetapi al-Syeikh Muhammad Abduh Abu Zahrah di dalam ulasannya yang panjang lebar ke atas rang undang-undang ini telah menunjukkan bagaimana dalil yang ketiga dan yang keempat itu telah diletak pada bukan tempatnya. Yang demikian ialah kerana langkah memerintah seseorang yang hendak berbini dua mesti mengambil kebenaran kadi itu tidaklah boleh dikatakan bahawa pihak yang berkuasa telah memerintahkan dia daripada melakukan perkara yang harus (*mubāh*) untuk maslahat umum tetapi yang sebenarnya bahawa pihak yang berkuasa dengan langkah ini telah menegahkan dia daripada melakukan perkara yang harus (*mubāh*). Adapun tindakan mentakzirkan seorang yang berbini dua dengan keadaan yang dibimbang kalau-kalau ia tidak adil dan tidak mampu itu adalah suatu tindakan yang jauh daripada logik takzir, kerana biasanya takzir itu hanya diadakan untuk kesalahan yang sudah berlaku, tetapi kelemahan seseorang pada memberi keadilan dan nafkah itu adalah perkara yang hanya agak berlaku pada masa hadapan berkenaan

dengan dalil yang pertama dan yang kedua itu maka harus ada bersangkut dengan langkahannya ini, kerana apabila kadi menegahkan seseorang itu berkahwin dua oleh kerana dibimbang ia tidak sanggup memenuhi syarat-syaratnya berertilah kadi telah menjalankan hukum ayat (*fain khiftum allā ta' dilū fuwāhidat awmāmalakat imānukum dhalika adnī allā ta' ulū*) tetapi bolehkah kita menjamin bahawa kebimbangan atau pengagakan kadi itu tepat dan betul? Adapun dalil yang kelima iaitu seseorang itu haram berkahwin sekiranya ia tidak mampu menanggung nafkah maka adalah suatu dalil yang diijmak oleh ulama. Tetapi hukum ini adalah am yang diharapkan kepada mereka yang belum berkahwin lagi sebagaimana diharapkan kepada mereka yang akan berbini dua. Di dalam mazhab Hanafi pula yang rajih telah mengiktibarkan kemampuan memberi mahar dan menanggung nafkah itu suatu daripada syarat-syarat kufu' yang wajib ada pada tiap-tiap lelaki yang hendak berkahwin. Maka tidaklah bererti kadi hanya menyasat syarat ini pada sesiapa yang hendak berbini dua sedang ditinggalkan yang lain berkahwin walaupun tidak mencukupi syarat ini.

Nampaknya al-Syeikh Abū Zahrah bersungguh-sungguh menentang langkahannya ini dengan menunjukkan bahawa setengah daripada dalil-dalil itu tidak sesuai dijadikan hujah baginya. Tetapi ia tidak berapa berjaya di dalam ulasannya yang mengatakan bahawa dalil yang ketiga itu tidak kena pada tempatnya. Yang difaham daripada perkataannya bahawa dalil yang ketiga ini menyuruh tiap-tiap seorang taat kepada pihak yang berkuasa (*awla al-amir*) manakala ia diperintah membuat suatu perkara yang harus (*mubāh*) untuk masalahat umum, tetapi tindakan pihak yang berkuasa memerintah tiap-tiap seorang yang hendak berbini dua mesti mengambil kebenaran khas daripada kadi itu adalah sebenarnya suatu langkahannya yang menegahkan tiap-tiap seorang membuat perkara yang harus baginya (*mubāh*) iaitu berbini dua melainkan dengan kebenaran khas. Al-Syeikh Abū Zahrah telah tersilap memahamkan makna perkataan yang harus (*mubāh*) di dalam dalil ini. Ada pun yang dimaksudkan daripada perkataan "*mubāh*" itu

ialah perkara yang harus bagi pihak yang berkuasa menjadikan dia suatu perintahnya bukanlah perkara yang harus bagi orang ramai. Maka tentulah harus bagi pihak yang berkuasa memerintah tiap-tiap seorang yang hendak berbini dua supaya ia mengambil kebenaran terlebih dahulu daripada kadi. Oleh kerana tidak ada nas yang mengharamkan langkahannya ini bahkan ia memang sejalan dengan roh undang-undang Islam. Kadi memang berhak menjamin keadilan, sedang keadilan itu tidak akan terbukti selagi ditinggalkan tiap-tiap seorang menggunakan hak yang telah diberi oleh syarak dengan tak senonoh lagi tidak diraikan batasan-batasannya.

Ada juga setengah ulama mengatakan bahawa adat nikah yang tidak mencukupi dua syarat (keadilan dan kemampuan) itu adalah hukumnya tak sah. Mereka berdalil kepada kaedah mazhab imam Mālikī dan Ahmad bin Hanbal yang mengatakan bahawa apabila syarak menegahkan melakukan sesuatu akad oleh sebab suatu perkara yang lain tetapi berlaku sama serentak dengannya, walaupun perkara ini bukan daripada rukun-rukun atau syarat-syarat akad itu maka adalah hukum akad itu tak sah. Sebagaimana akan jual beli pada waktu sembahyang Jumaat. Kerana firman Tuhan (*Yā ayyuhā al-ladhīna āmanū idhā nūdī li al-ṣalāti min yawmi al-juma'at fas'aw ila dhikrillāh wa dharū al-bay'*) Wahai orang yang beriman! Apabila dipanggil sembahyang Jumaat maka hendaklah kamu pergi membuat ibadat Tuhan dan tinggalkanlah jual beli itu. Tuhan telah menegahkan kita menjual beli oleh sebab tiba waktu sembahyang Jumaat. Maka sungguhpun waktu Jumaat itu bukan daripada rukun-rukun atau syarat-syarat akad jual beli tetapi oleh kerana Tuhan telah mengikatkan tegahan menjual beli dengannya, maka akad jual beli pada waktu Jumaat hukumnya tak sah. Begitulah juga kita dapat mengkiaskan hukum akad nikah seorang yang hendak berbini dua dengan keadaan yang tidak sanggup memberi keadilan dan menanggung nafkah. Maka tidak sah akad nikahnya itu oleh kerana akadnya diiringi oleh keadaan yang ditegah

oleh Tuhan. Tetapi hujah ulama ini telah dibidas oleh al-Syeikh Muḥammad Abū Zahrah dengan dua ulasan:

Pertama: Bahawa kita tidak harus menggunakan kias di dalam sesuatu mazhab melainkan apabila mazhab ini tersunyi daripada hukum yang nyata. Maka di sini kita dapati Imam Mālikī dan Imam Aḥmad Ibnu Ḥanbal telah menjelaskan hukum akad nikah yang tidak mencukupi syarat adil dan mampu ini, dan mereka tidak sekali-kali berkata bahawa hukumnya tak sah.

Kedua: Bahawa akad jual beli dan waktu yang ditegah itu adalah kedua-duanya berlaku sama serentak maka tentulah kaedah tadi boleh dijalankan ke atas akad jual beli pada waktu Jumaat. Tetapi keadaan tidak adil dan tidak mampu yang ditegah itu tidaklah berlaku sama serentak dengan akad nikah maka tidaklah boleh digunakan kaedah tadi. Oleh itu kita dapati Imam Mālik dan Aḥmad Ibn Ḥanbal telah mengharuskan kadi menjatuhkan talak memfasakhkan nikah dengan permintaan si perempuan manakala ternyata kepadanya kezaliman suaminya atau keengganannya pada memberi nafkah. Tetapi kedua-dua imam itu tidak sekali-kali menghukumkan akad nikah ini tak sah sebelum berlaku kezaliman atau keengganan memberi nafkah itu.

Pada pandangan al-Syeikh Abū Zahrah bahawa dalil-dalil yang telah dibawa oleh pengesyor rang undang-undang 1926 itu adalah hanya mengharuskan kadi memberi hukum bahawa tiap-tiap seorang yang berbini dua dengan tidak mencukupi syarat-syaratnya dan tidak menurut cara-cara yang telah diatur oleh undang-undang, adalah ia tidak berhak mengangkat segala pendakwaan yang bersangkutan dengan perkahwinan yang kedua ini (dakwa nafkah, dan lain-lainnya) ke hadapan mahkamah untuk dibicarakan. Tetapi tidaklah sekali-kali harus bagi kadi menghukumkan akad nikah ini tidak sah pada pandangan syarak. Fuqaha-fuqaha yang terdahulu tidak ada yang mintakan sedemikian. Menurut pandangan al-Syeikh Abū Zahrah ini bahawa kadi adalah hanya berkuasa menolak segala pendakwaan (*'Adamu samā' al-da'wā*) yang bersangkutan dengan

perkahwinan yang seumpama ini. Ini bukanlah suatu langkah tepat untuk mengatur hak berbini banyak menurut syarat-syarat yang telah dibawa oleh al-Quran. Kerana jika seseorang itu mengetahui bahawa ia tidak akan dihukum melainkan hanya ditolak pendakwaannya sahaja manakala ia berbini dua dengan tidak mencukupi syarat-syaratnya, tentulah ia tidak akan mengambil berat kepada cara-cara yang telah diatur oleh undang-undang itu.

Sekianlah ringkasan riwayat pertikaian faham di antara ulama-ulama Mesir berkenaan dengan soalan ini. Kedua-dua aliran ini telah membawa dalil-dalilnya maka manakah dalil-dalil kaum ibu Singapura yang menuntut supaya diadakan suatu undang-undang yang menegah sama sekali seseorang itu berkahwin dengan perempuan yang lain selagi isterinya masih hidup di dalam tangannya tidak diceraikan, serta memberi hukuman penjara ke atas sesiapa yang melanggar undang-undang ini. Di sana ada perbezaan jauh di antara tuntutan kaum ibu Singapura dan seruan setengah ulama di Mesir. Ulama Mesir menyeru supaya hak berbini banyak itu hanya diatur secara *Civil Law (Civil Law)* menurut batasan-batasan yang telah dihadkan oleh al-Quran. Tetapi kaum ibu Singapura menuntut supaya hak berbini banyak dihapuskan sama sekali dengan jalan undang-undang jenayah (*Criminal Law*) yang memberi hukum penjara dan didenda.

Islam telah mengharuskan seseorang itu beristeri sehingga empat dengan syarat-syarat yang tertentu. Ini adalah bererti bahawa seseorang itu ada mempunyai suatu hak istimewa yang diiktiraf oleh Islam untuk digunakan waktu darurat maka bolehkah kita mengiktibarkan seorang yang menggunakan haknya dengan sempurna di dalam masyarakat Islam itu, bahawa ia telah melakukan suatu kesalahan jenayah yang mesti dihukum penjara dan didenda? Tentu tidak jikalau sebenarnya masyarakat kita telah terharu oleh kerana orang ramai jahil tidak tahu menggunakan hak berbini banyak itu maka bolehkah kita mengadakan suatu undang-undang yang memberi kuasa kepada kadi untuk menyiasat dan memerhatikan terlebih

dahulu keadaan seseorang yang hendak berbini dua supaya dapat dihukumkan kelayakannya untuk menunaikan syarat-syarat yang dituntut oleh al-Quran sebagaimana yang telah disuruh oleh setengah ulama Mesir tetapi jikalau kaum ibu Singapura berharap daripada langkah mereka ini untuk menyampaikan mereka kepada cita-cita menghapuskan perbezaan hak di antara lelaki dan perempuan yang diagung-agungkan oleh demokrasi Barat, maka hendaklah mereka meletakkan suatu hakikat yang nyata di hadapan mereka iaitu bahawa asas pembahagian hak-hak dan kewajipan-kewajipan di dalam perkara-perkara pergaulan itu bukanlah sebagaimana asas pembahagian di dalam ilmu kira-kira. Hak-hak dan kewajipan-kewajipan itu adalah dibahagi di antara lelaki dan perempuan menurut tabiat masing-masing dengan keadaan yang dapat mengaturkan pergaulan hidup dengan sempurna.

Yang sebenarnya kita dapat memimpin orang ramai kepada meninggalkan adat beristeri banyak dengan memberi pelajaran kepada mereka dan mendidikkannya supaya tahu kewajipan masing-masing dan berperasaan tanggungjawab terhadap kepada rumahtangga, agama dan tanah air. Al-Syeikh Abū Zahrah telah berkata: “Berikanlah pelajaran kepada orang ramai, angkatkanlah mutu kehidupan mereka. Selepas itu susunlah apa yang dikehendaki daripada undang-undang. Adapun semata-mata menegah hal itu dengan tidak mendidik orang ramai terlebih dahulu maka ialah suatu helah untuk mengelakkan bebanan kewajipan yang amat berat (iaitu kewajipan mendidik mereka) *“Wa allāhu al-muwafiq li al-ṣawāb.*”

=====

## Panduan Rasulullah

“Sesungguhnya fitnah itu akan datang lalu menghancurkan orang ramai dengan sehancur-hancurnya, tetapi orang yang berilmu akan selamat daripada angkara fitnah itu dengan ilmunya.”

-maksud hadis riwayat Abū Na‘īm.

(sambungan daripada muka 25)

bagi perayaan tahunan, di dalamnya dibahagikan sijil kepada penuntut yang tamat belajar, dan mengadakan majlis-majlis sambutan pembesar-pembesar dari tanah air yang datang melawat atau yang berangkat balik dari Tanah Suci. Persatuan ini juga telah mengadakan beberapa majlis perayaan, seperti majlis merayakan peralihan kuasa kepada Republik Indonesia dalam bulan Disember 1949.

“Ikatan Penuntut-penuntut Dār al-‘Ulum” ini tidak khālī daripada mencurahkan usaha dalam menunaikan segala kerjanya menurut rancangan-rancangannya yang telah diatur dalam pada itu persatuan ini tidak mendakwa kesempurnaan bahkan dia mengharapkan taufik dan kejayaan dan mengharapkan galakan dan sokongan.

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara yang kamu tidak sekali-kali akan sesat selama kamu berpegang kepadanya, iaitu kitab Allah dan sunnah Rasul-Nya.”  
-maksud hadis riwayat Mālik-

---

## Buku-buku Cerita Mata-mata Gelap

Perbunuhan di Padang Pulau	30 sen
Perbunuhan di Lautan Atlantik	30 sen
Penari	30 sen
Jantan Mata Keranjang	30 sen
Pukul Empat Subuh	30 sen
Lelaki Binatang	30 sen
Penjual Agama	30 sen

Alamatkan pesanan-pesanan kepada manager  
QALAM PRESS LTD., P.O. Box 3031  
SINGAPORE.

---